pembinaannya, mahupun ditonjolkan melalui unsur atau bentuk yang berasal dan menggambarkan karakter sesuatu tempat (Jahn Kassim et al., 2018). Sama seperti sekolah kolonial, ia turut menerapkan elemen istimewa pada reka bentuknya yang tidak dijumpai pada reka bentuk sekolah-sekolah kolonial yang lain. Selain itu, istilah “Tipologi” itu sendiri membawa pengertian yang meluas dalam mengkategorikan sesuatu objek atau jasad secara fizikal bagi mengeluarkan nilai-nilai yang terkandung di sebalik fizikal terbabit apatah lagi jika ianya berkait pula dengan sejarah di belakangnya. Menurut Mahayuddin et al., (2017) tujuan kajian tipologi ditubuhkan adalah bagi melindungi bangunan warisan dengan mengaplikasikan ilmu dan pengetahuan baharu agar karakter tipologi pada bangunan berkenaan tidak akan hilang. Berdasarkan kajian literatur, terdapat kekurangan di dalam pengenalan tipologi sekolah kolonial yang terdapat di Malaysia mahupun di Melaka secara khususnya. Tipologi seni bina ini biasanya dijumpai pada bangunan-bangunan kolonial yang lain seperti rumah kedai, masjid, rumah sesebuah dan sebagainya. Tambahan pula, kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan pada rumah-rumah kedai di jalan dan lorong kecil dan rumah-rumah ibadat di dalam kawasan bandar warisan. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang menggunakan kaedah tipologi bagi mengenal pasti jenis-jenis bangunan seperti rumah kedai, perumahan, masjid, hotel dan kompleks beli-belah (Scheer, 2010).

Sentuhan kajian seni bina sekolah kolonial secara umum juga amat jarang diketengahkan oleh kajian lain dan selalunya hanya memberi fokus kepada latar belakang dan sejarah sekolah sahaja. Kaedah dalam mendapatkan aspek tipologi seni bina sekolah kolonial ini dikenal pasti dengan mengeluarkan elemen dan prinsip reka bentuk seni bina yang terkandung di dalam bangunan sekolah itu sendiri. Hal ini kerana berdasarkan kajian-kajian tipologi yang lepas seperti yang terkandung daripada

Mahayuddin et al., (2017), Ayyildiz, Erturk, Durak, & Dulger (2017), Ohmura, Katagiri, & Iwaoka (2019) Megawati, Sudikno, & Suryasari (2011), dan Mohamed, Harun, & Abdullah (2017) mengaplikasikan penggunaan elemen seni bina serta prinsip reka bentuk seni bina bagi mengenal pasti tipologi yang dikehendaki. Tambahan pula, penggunaan dalam mengenal pasti elemen seni bina dan prinsip reka bentuk sesebuah bangunan amat sinonim dengan bidang kajian dan bidang seni bina seperti yang pernah dijalankan oleh Oliver (1996), Villari (1990) dan Ching (2015).

Fokus di dalam kajian ini adalah bagi mendalami aspek tipologi seni bina sekolah kolonial yang terdapat di bandar bersejarah, Melaka dengan mengenal pasti beberapa elemen seni bina dan prinsip reka bentuk seni bina bagi menetapkan tipologi yang dikehendaki di dalam kajian. Kajian juga memfokuskan kepada penilaian terhadap bangunan sekolah kolonial yang berbeza dari segi gaya seni bina dan reka bentuk melalui bangunan sekolah tersebut bagi mewujudkan tipologi seni binanya. Malah, kajian ini juga secara tidak langsung turut menghimpunkan serba sedikit latar belakang dan sejarah sekolah yang dijadikan sebagai kajian kes sama ada dari segi penubuhannya dan elemen pembinaannya. Hal ini kerana menurut Jabatan Warisan Negara (2012) di dalam Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (GPPBW), penyelidikan sejarah juga amat penting bagi mendapat gambaran sebenar bangunan yang dikaji serta keadaan persekitaran kawasan tersebut. Tujuannya juga adalah untuk mendapatkan maklumat sejarah bangunan dan tapak dari segi seni bina, perkembangan pembinaan, perubahan bangunan, fungsi dan kegunaan bangunan.

Oleh yang demikian, dengan terbentuknya kajian ini secara tidak langsung mampu memberikan pelbagai sumbangan dan impak kepada dunia pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia dan dalam masa sama akan memudahkan pelbagai pihak seperti para akademik, pengkaji sejarah, pihak sekolah mahupun pihak berkuasa

tempatan bagi kegunaan yang memberi manfaat pada masa hadapan. Malah ia juga dapat menambah baik dokumentasi sekolah sedia ada dengan menerapkan aspek tipologi seni bina sekolah sebagai dokumen tambahan untuk rujukan pada masa hadapan kelak.

1.3 Penyataan Masalah

Pada hari ini sahaja pelbagai isu-isu semasa yang berkaitan bangunan bersejarah telah dikenal pasti dan sedang dihadapi sebagaimana yang telah diutarakan oleh pihak berwajib. Selain daripada itu, terdapat juga di antara bangunan bersejarah ini yang pada dasarnya tidak dipulihara dengan baik dan diabaikan oleh pemiliknya kerana tiada usaha pemuliharaan yang berterusan telah dilakukan (Keromo, 2006). Malah, kebanyakan kerja penyenggaraan bangunan warisan dalam masa yang sama dipengaruhi oleh isu-isu yang berkaitan lantas mengakibatkan pendekatan pemuliharaan bangunan secara keseluruhannya berkurangan (Zolkafli, Zakaria, Mazlan, & Ali, 2019). Hasil tinjauan literatur telah mendapati bahawa terdapat kira-kira 37,000 buah bangunan lama yang dibina antara tahun 1800 dan 1948 berada dalam keadaan yang tidak dipulihara (Idid, 1996).

Menurut kajian literatur, Melaka merupakan antara negeri yang menerima pengaruh pendidikan terawal daripada kesan penjajahan berabad dahulu. Sekolah-sekolah yang dibina suatu ketika dahulu masih kekal digunakan sehingga ke hari ini tanpa diubah suai fungsi kegunaannya meskipun ia telah menerima pelbagai pengubahsuaian dan terdapat pengaruh moden di sekeliling sekolah. Sekolah-sekolah kolonial ini berpotensi untuk menjadi satu aset yang dipandang tinggi sejajar dengan bangunan-bangunan kolonial lain yang lebih dikenali jika ianya disenggarakan dan dikendalikan dengan kaedah yang sewajarnya. Seperti bangunan-bangunan kolonial

yang lain, sekolah-sekolah kolonial yang dibina di sekitar Bandaraya Melaka juga tidak terlepas daripada menghadapi ancaman dan isu yang berbangkit. Antara isu dan masalah yang melibatkan sekolah-sekolah kolonial ini adalah seperti berikut:

- Sekolah kolonial mempunyai identiti seni binanya yang tersendiri dan berbeza dengan bangunan yang lain. Berdasarkan kepada kajian lapangan, kajian mendapati terdapat perubahan kepada bangunan sekolah sama ada dari segi komponen binaannya, penggunaan bahan binaan dan warna bangunan. Perkara ini jelas bahawa kerja-kerja naik taraf bangunan sekolah yang dijalankan sebelum ini tidak konsisten dengan mengikuti reka bentuk asal bangunan tersebut. Kajian mendapati rupa asal bangunan daripada analisis foto-foto lama dan membandingkan dengan reka bentuk dan rupa bangunan pada masa terkini. Tambahan pula, faktor-faktor perubahan pembangunan semasa turut mempengaruhi perubahan fizikal bangunan sekolah seterusnya mengancam tipologi binaan sekolah kolonial tersebut.

Hal ini amat merisaukan kerana dikhuatiri suatu masa kelak, identiti sekolah berkenaan akan hilang ditelan arus pemodenan. Selain itu, memetik daripada kenyataan akhbar atas talian Mstar.com.my, pada Oktober 2016 ada menyatakan bahawa Penang Free School pernah dirancang untuk ditukar nama asalnya kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free School. Walau bagaimanapun, Sultan Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang juga merupakan bekas pelajar sekolah terbabit tetap akan mengekalkan nama Penang Free School yang juga merupakan sebuah sekolah aliran Bahasa Inggeris tertua di Malaysia dan Asia Tenggara. Perkara ini kerana identiti asal bagi sesebuah sekolah itu perlu dikekalkan sama ada dari sudut fizikal bangunan ataupun nilai sentimental sekolah agar identiti dan tipologi seni bina

sekolah kolonial terbabit kekal terjaga bagi melambangkan karakter sekolah terbabit.

- Berpandukan kajian rintis yang dijalankan mendapati bahawa PBT di Melaka kurang menjalankan aktiviti inventori bangunan di zon warisan termasuk bangunan sekolah terutama sekali aspek yang melibatkan tipologi seni binanya. Walau bagaimanapun, sebuah kajian rintis juga telah dijalankan di Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan mendapati pihak mereka mempunyai inventori bangunan warisan termasuklah bangunan sekolah tetapi tidak dikemas kini kerana ia dijalankan sekitar tahun 1997. Tambahan pula, kandungan di dalam borang inventori berkenaan pula hanya menyentuh perkara-perkara asas sesebuah bangunan sahaja seperti nama bangunan, alamat, fungsi semasa bangunan (ketika itu), keadaan fizikal, karakter dan deskripsi seni binanya. Ia tidak menyentuh lebih dalam berkenaan elemen-elemen seni bina yang lain seperti komponen binaan dan prinsip reka bentuk bangunan. Perkara ini seterusnya membawa kepada isu permasalahan dokumentasi inventori yang bukan terkini dan tidak sesuai dijadikan rujukan untuk kegunaan pelbagai pihak termasuklah untuk mewujudkan kajian tipologi seni bina bagi sekolah kolonial.
- Berdasarkan kajian literatur, kajian mendapati bahawa sememangnya terdapat kekurangan kajian-kajian berkaitan sekolah kolonial terutama yang melibatkan kajian tipologi seni bina bangunannya. Perkara ini dibuktikan bahawa kajian sebelum ini hanya melibatkan kajian seni bina dan kajian tipologi yang melibatkan bangunan-bangunan seperti rumah kedai, masjid, rumah melayu, rumah-rumah moden dan bangunan pentadbiran. Hal ini tidak seharusnya dipandang ringan kerana bangunan sekolah juga, terutama sekali sekolah-

sekolah kolonial ini, wajar untuk dijadikan sebagai subjek di dalam setiap kajian sama seperti bangunan-bangunan kolonial lain. Selain itu, walaupun terdapat beberapa kajian yang menyentuh berkaitan sekolah kolonial, perkara yang dibentangkan di dalam kajian-kajian terbabit kebanyakannya hanya melibatkan aspek sejarah, latar belakang sekolah dan pernyataan umum berkenaan sekolah kolonial tersebut. Terdapat kekurangan sumber dan penyelidikan bagi kajian sekolah kolonial yang menerangkan tipologi seni binanya secara terperinci. Perkara ini secara tidak langsung menimbulkan kesulitan bagi penyelidik lain ataupun pihak berwajib bagi membuat rujukan terhadap hasil-hasil kajian yang berkaitan dengan tipologi seni bina sekolah kolonial.

Tambahan pula, jika dilihat pada Rancangan Kawasan Khas (RKK) George Town dan Melaka (2011) dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan, tidak dinyatakan secara terperinci dan spesifik bagi bangunan kategori bangunan kolonial atau lebih tepat lagi sekolah kolonial di dalam kedua-dua kawasan berkenaan. Berdasarkan temu bual dengan para responden juga, kajian telah mendapati masalah yang sama iaitu dengan kekurangan kajian yang berkaitan tipologi seni bina sekolah kolonial di pihak para responden. Mereka berpendapat bahawa kajian terhadap sekolah kolonial amat wajar untuk diimplementasikan memandangkan sekolah kolonial merupakan aset berbentuk pendidikan. Berdasarkan kepada kajian rintis, hal ini turut diakui oleh Penolong Arkitek di Unit Konservasi, Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) bahawasanya PBT pada saat ini masih tiada dokumentasi secara terperinci mengenai tipologi sekolah kolonial yang merangkumi corak dan gaya seni binanya, struktur, susun atur dalaman dan

fasad bangunan sekolah kolonial terbabit. Dokumen yang didapati di PBT seperti di MBMB mahupun pihak agensi kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN) Cawangan Selatan dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) hanyalah serba sedikit mengenai sekolah kolonial terbabit dari segi guna tanah dan peta lokasi. Menurut temu bual dengan pihak MBMB juga, terdapat perancangan bagi pembentukan Pelan Pengurusan Pemuliharaan ataupun *Conservation Management Plan* (CMP) bagi setiap jenis unit bangunan di Bandaraya Melaka namun sehingga kini masih belum terlaksana.

1.4 Jurang Kajian

Adalah diakui bahawa sesuatu kajian itu sememangnya mempunyai batasan atau jurangnya tersendiri. Jurang kajian perlu berpandukan kepada niat dan hasrat sesuatu penyelidikan supaya ia lebih difahami dan fokus berbanding konteks yang lebih besar (Reunamo & Pipere, 2011). Malah, jurang kajian juga akan menggariskan sejauh mana hasil kajian akan memberi sumbangan kepada pemahaman serta pengetahuan dalam bidang yang dikaji (Ary, Jacobs, & Sorensen, 2010). Selain itu, ia amat penting kerana ia akan menghadkan bidang dan skop selaras dengan jangka masa kajian yang ditetapkan.

Berpandukan kajian literatur terhadap kajian tipologi, masih terdapat kekurangan kajian yang telah dikenal pasti. Kajian sebelum ini banyak menyentuh kepada tipologi seni bina selain daripada bangunan sekolah seperti rumah-rumah kedai, rumah ibadat, rumah melayu, perumahan urban dan bandar terawal. Merujuk kepada Jadual 1.1, kebanyakan kajian adalah berkaitan dengan tipologi seni bina yang telah dilakukan oleh pengkaji ilmiah dari dalam dan luar negara. Melalui jadual ini, satu pengelasan kepada kajian baharu diusulkan bagi melihat perbezaan dan jurang

antara kajian sebelum dan akan datang. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan sebelum ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat jurang kajian daripada pelbagai aspek seperti:

Jadual 1.1: Jurang kajian berdasarkan kajian literatur.

TOPIK	LINGKUNGAN KAJIAN	PENYELIDIK	RUMUSAN
TIPOLOGI	<p>i. Tipologi seni bina</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan istilah tipologi. • Kajian tipologi seni bina yang lepas 	<p>Klam (1982) Crowe (1984) Bandini (1984) Mauro (1985) Kelbaugh (1996) Altas (1997) Bill (1997) Caniggia & Maffei (2001) Funo, Yamamoto, & Silas (2002) Funo, Ferianto, & Yamada (2005) Bambang Setia Budi (2006) Guney (2007) Raja Shahminan (2007) Chen, Ariffin, & Wang (2008) Othman, Inangda, & Ahmad (2008) Scheer (2010) Amine, Schrenk, Zeile, & Popovich (2011) Tarore, Sangkertadi, & Kaunang (2011) Utaberta, Rasdi, Spalie, Abdullah, & Tahir (2011) Megawati, Antariksa, & Suryasari (2011) Aoki, Matsumoto, Koga, Sakuragi, & Mansouri, (2011) Ju & Omar (2011) Boyd & Rice (2014)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian tipologi majoriti hanya melibatkan bangunan/subjek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Rumah Belanda - Rumah kedai - Masjid - Bandar - Tipologi bukaan - Tipologi fasad - Tipologi tampak - Istana Melayu - Rumah melayu - Rumah kolonial - Rumah kampung - Penjenisan tipologi - Perumahan moden - Tipologi rumah kampung - Seni bina melalui budaya - Rumah panjang

		<p>Stouffs & Tuncer (2015) Mohd Noor (2016) Ayyildiz, Erturk, Durak, & Dulger (2017) Mahayuddin, Wan Zaharuddin, Harun, & Ismail, (2017) Dwina (2017) Mohamed, Harun, & Abdullah (2017) Shi & Wei (2017) Li, Li, & Wu (2017) Budi & Wibowo (2018) Jahn Kassim, Mohd Nawawi, Abdul Majid, Raja Abdul Kadir, & Abdullah (2018) Ohmura, Katagiri, & Iwaoka (2019) Mohmad Shukri, Achar, & Naseemc (2019) Hayati, Rahmatnia, & Kavarizadeh (2020) Karahan & Davardoust (2020)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kajian spesifik terhadap bangunan sekolah kolonial lebih-lebih lagi di kawasan Bandaraya Melaka. • Kajian tipologi dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan. • Cadangan untuk di dalam kajian ini adalah dengan mengenal pasti sekolah kolonial yang terdapat di Melaka dan mewujudkan tipologi seni binanya.
	<p>ii. Gaya Rupa seni bina</p>	<p>Hanafi (2000) M. Surat, Abdullah, Usman, Tawil, & Ismail (2011) Mastor Surat (2017) Mohamad Rasdi (2018) Mohmad Shukri et al.,(2019)</p>	
<p>PRINSIP REKA BENTUK</p>	<p>i. Susun atur ruang ii. Prinsip reka bentuk</p> <ul style="list-style-type: none"> • Paksi • Simetri • Hierarki 	<p>Klam (1982) Hanafi (1986) Bandini (1984) Ching (1995b) Oliver (1996)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kajian spesifik terhadap sekolah kolonial yang menggunakan prinsip reka bentuk.

	<ul style="list-style-type: none"> • Pengulangan • Datum • Transformasi • Asimetri 	<p>Oliver (1997) Hanafi, Luddin, Shuib, & Ariffin (2001) Funo et al.(2002) Wang & Huang (2007) Othman et al. (2008) Chen et al. (2008) Tarore et al., (2011) Megawati et al., (2011) Aoki et al. (2011) Ching (2013) Ching (2015) Crespo, Martinez, & Papademetriou (2015) Stouffs & Tuncer (2015) Mohd Noor (2016) Shah, Arbi, & Keumala (2016) Mahayuddin et al. (2017) Sabah (2017) Mancho (2014) Ohmura et al. (2019) Mohmad Shukri et al. (2019)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian-kajian yang dilakukan biasanya melibatkan bangunan seperti masjid, rumah kedai, perumahan dan bangunan kolonial secara am. • Jenis kajian melibatkan prinsip seni bina, komposisi dan komponen binaan paling banyak dikaji. • Cadangan untuk kajian ini adalah dengan mengisi jurang yang wujud di antara kesemua faktor yang dinyatakan dengan melibatkan prinsip, komposisi dan komponen binaan di dalam kajian tipologi seni bina sekolah kolonial.
	<p>iii. Komponen Binaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan, jenis-jenis komponen dan fungsinya. 	<p>Villari (1990) Caudill, Pena, & Kennon (1991) Krier (1991) Oliver (1996) Hanafi (2000) Burden (2004) Funo et al. (2005) Said (2007)</p>	

		<p>Tarore et al., (2011) Megawati et al., (2011) Jabatan Warisan Negara (2012) Wooi (2015) Stouffs & Tuncer (2015) Matondang (2016) Ayyildiz et al. (2017) Jahn Kassim et al. (2018) Mohmad Shukri et al. (2019)</p>	
<p>SEKOLAH KOLONIAL</p>	<p>i. Pengaruh era British</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengaruh sekolah era British • Perkembangan pendidikan • Klasifikasi sekolah <p>ii. Sekolah warisan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemeliharaan sekolah • Isu sekolah warisan 	<p>Hoy Kee & Tiang Hong (1974) Salleh (1979) Marzuki, Ishak, Pau Wing, & Hj. Siraj (1993) Hussin (1993) Mok (2000) Yahaya (2003) Ratnavadivel (2007) Mohamad (2008) Selamat, Mohd Jidi, & Kamarolzaman (2010) (Burke, 2010) The Edge Markets (2011) Ozay (2012) Ariffin, Kamaruddin, & Jusoh (2014) D'cruz (2015) (Bilsel & Dincyurek, 2017) K. K. H. Tan & Choy (2019) Rivera & Lopez (2019) Sanusi, Azmin, Abdullah, & Kassim (2019)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian berkaitan pendidikan era British dan pengaruh mubaligh tidak menyatakan pengaruh pembinaan sekolah kolonial • Kajian literatur dan dokumentasi yang dinyatakan tidak mengusulkan kajian tipologi seni bina sekolah kolonial. • Mengetahui perkembangan dan pengaruh pendidikan zaman kolonial pada zaman penjajahan. • Dokumentasi sekolah kolonial/ kajian kes kurang membabitkan perihal bangunan sekolah dari segi seni bina dan strukturnya. • Kajian sekolah warisan yang hanya memfokuskan kepada aspek

		Shanmugavelu, Ariffin, Tambu, & Mahayudin (2020) Ancho & San Juan (2021)	<p>pemuliharaan tanpa mengusulkan aspek seni bina tipologi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masalah kajian yang mengetengahkan isu kekurangan dana bagi pembaharuan sekolah
	<p>iii. Sejarah sekolah kolonial</p> <ul style="list-style-type: none"> • Latar Belakang Sekolah kolonial di Malaysia 	<p>Pertubuhan Arkitek Malaysia (1990) Sekolah Kebangsaan Bandar Hilir (1990) (Sekolah Menengah Kebangsaan St. Francis, 2002) SMK Tinggi Melaka (2005) Tiau (2006) Pertubuhan Arkitek Malaysia (2007) Fee (2007) PERZIM (2010) Hassan & Che Yahaya (2012) Sekolah Kebangsaan Sacred Heart Convent,(2015) Tan (2015)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan bagi kajian ini adalah dengan menambah baik dokumentasi sekolah dengan meletakkan tipologi seni bina sekolah kolonial sebagai dokumen tambahan.

Oleh itu, dengan membuat himpunan dan perbandingan kajian-kajian terdahulu, kajian ini berupaya mengetahui sudut dan aspek yang masih belum dikupas dan dirumuskan di dalam penyelidikan sebelum ini. Tambahan pula, dapat disimpulkan bahawa sehingga kini kurangnya penyelidikan yang menyentuh ke atas subjek sekolah kolonial dan tipologi seni binanya yang boleh dijadikan rujukan. Oleh itu, satu kajian mendalam adalah diperlukan bagi memberi kefahaman lebih terperinci kepada beberapa pihak yang berkenaan seterusnya dapat membantu dalam penambahbaikan dokumentasi sekolah kolonial di Melaka.

1.5 Kawasan Kajian

Kedua-dua Tapak Warisan Dunia (TWD) George Town dan Melaka bandar yang amat popular dalam kalangan penduduk tempatan mahupun dari luar negara ini mempamerkan pelbagai aspek terutamanya dari segi budaya, gaya seni bina bangunannya mahupun kemakmuran penduduknya yang hidup serumpun menjadikannya sebuah bandar warisan yang terus menjadi pilihan dan kunjungan dari pelosok dunia. Tambahan pula, peletakannya di perairan Selat Melaka turut menjadikan bandar-bandar ini contoh bandar kolonial bersejarah yang menjanjikan pengalaman yang berbeza kepada sesiapa sahaja yang melawatinya. Selain itu, berpandukan fakta sejarah, George Town dan Melaka merupakan antara bandar terawal yang mendapat pengaruh daripada penjajah pada waktu itu seperti British, Belanda dan Portugis. Oleh itu, tidak hairanlah jika dilihat sekarang terdapat pelbagai bentuk dan jenis gaya seni bina bangunan daripada pelbagai fungsi seperti rumah kedai, tempat ibadat dan pejabat dibina di sekitar bandar warisan ini. Binaan-binaan ini semestinya mempunyai keunikan seni binanya yang tinggi dan jelas mutunya serta

dalam masa yang sama mampu dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Pemilihan Bandaraya Melaka sebagai kawasan kajian adalah kerana berdasarkan penyelidikan awalan, kajian mendapati Melaka kekurangan dari segi dokumentasi bangunan warisan khususnya inventori dan tipologi sekolah kolonial. Tambahan pula, dengan status Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah di bawah UNESCO, ia menguatkan lagi tujuan kajian ini bagi mengekalkan dan memelihara binaan bersejarah di dalam lingkungan bandar bersejarah terbabit. Berlainan di George Town, Pulau Pinang, menurut pegawai di Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), menyatakan bahawa pihak MBPP pernah melaksanakan kajian inventori bangunan warisan di seluruh George Town termasuklah bangunan sekolah pada tahun 1997. Malah, borang inventori mereka juga menjadi salah satu rujukan bagi kajian ini bagi melaksanakan kajian tipologi sekolah kolonial ini. Tambahan pula, terdapat batasan kajian ketika kajian rintis dilakukan apabila terdapat pihak sekolah di George Town yang tidak memberi kebenaran bagi melaksanakan kajian di sekolah mereka atas alasan privasi sekolah dan terdapat juga beberapa sekolah yang tidak menepati kriteria pemilihan sekolah di dalam kajian ini. Selain itu, sama seperti di bandar-bandar utama lain seperti Kuala Lumpur, Kuala Kangsar atau Ipoh, sekolah-sekolah kolonial di sana sudah banyak menerima kajian dan penyelidikan sama ada berkaitan seni bina sekolah dan sejarah sekolah seperti yang dinyatakan di dalam penulisan oleh Hassan & Che Yahaya (2012), Fee (2007) Ahmad (1993) dan Mohamad Rasdi (1997). Antara sekolah-sekolah yang terkenal di sana adalah seperti St. John Institution (KL), Victoria Institution (KL), St. Michael Institution (Ipoh) dan Malay College Kuala Kangsar (MCKK).

Selain itu, dari aspek pelaporan pendidikan pula, dengan adanya kewujudan SMK Tinggi Melaka di Bandaraya Melaka sebagai salah satu bukti terawal pendidikan di Tanah Melayu (Marzuki et al., 1993) menguatkan lagi sebab Bandaraya ini dipilih di dalam kajian. Malah, dengan adanya kewujudan St. Paul's College yang ditubuhkan sewaktu penjajahan Portugis, menjadikan Melaka sebagai bandar terawal menerima sistem pendidikan. Hal ini menurut kenyataan daripada laman web "The Historical City of Malacca" (2011) dan "The Ruin of Saint Paul Hill" (2019) mengatakan St. Paul College yang telah didirikan oleh Portugis di dalam premis Gereja St. Paul pada tahun 1548 dan kemungkinan merupakan sekolah pertama yang dibuka di negara ini. Jelas di sini bahawa bukti permulaan pendidikan yang berada di Malaysia bermulanya daripada sejarah yang terkandung di dalam Bandaraya Melaka itu sendiri dan perkara ini amat ketara dan signifikan jika ingin dibandingkan dengan bandar-bandar besar lain yang juga mempunyai sekolah kolonial di dalamnya.

Bagi Bandaraya Melaka, bermulanya ia sebagai Bandaraya Bersejarah apabila ketika Konvensyen Warisan Dunia ke-40 telah memersetujui untuk melindungi 981 Tapak Warisan Dunia yang telah diluluskan oleh UNESCO berdasarkan kepada Outstanding Universal Value (OUV) yang telah dikemukakan (Hasbollah, 2014). Diiktiraf sebagai TWD UNESCO bersama George Town, Pulau Pinang pada Julai 2008, Melaka jelas mempamerkan contoh-contoh sejarah peninggalan kolonial dengan jayanya di samping pengaruh sejarah dan budaya yang terselindung di sebaliknya. Melaka yang juga telah menepati Outstanding Universal Value (OUV) daripada UNESCO yang telah menaik tarafkannya sebagai sebuah bandar raya bersejarah kerana telah berjaya menonjolkan pengaruh dan kepentingan warisan dan kebudayaan (K. K. H. Tan & Choy, 2019). Oleh yang demikian, adalah penting bagi pemilihan kawasan tapak kajian ini kerana secara tidak langsung kajian menepati ciri-ciri bagi

memastikan agar warisan di dalam kawasan Bandaraya Melaka terpelihara dalam masa yang sama menjaga status yang telah dianugerahkan oleh UNESCO.



Rajah 1.1: Lokasi George Town dan Melaka yang berada selari dengan Selat Melaka (Sumber: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 2008)

1.5.1 Latar Belakang Kawasan Kajian

Melaka merupakan sebuah negeri kecil yang terletak di bahagian selatan semenanjung Malaysia berdekatan dengan Selat Melaka dan bersempadan dengan Negeri Sembilan pada arah utara dan Johor pada bahagian selatan. Negeri yang berkeluasan 1,665 kilometer persegi ini terbahagi kepada 3 daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin serta mempunyai ibu negeri yang dipanggil Bandaraya Melaka (Jabatan Warisan Negara, 2008). Bandaraya yang terletak 125 kilometer selatan Kuala Lumpur ini berada berhampiran dengan muara Sungai Melaka yang mengalir sehingga ke pusat pentadbiran negeri Melaka iaitu Ayer Keroh. Berpandukan kepada pembahagian zon bersejarah Bandaraya Melaka, terdapat 2 jenis zon yang telah ditetapkan iaitu Zon Teras dan Zon Penampian. Bagi

Zon Teras Bandaraya Melaka, ianya berkeluasan sekitar 38.62 hektar yang merangkumi kawasan utama seperti zon Bukit St. Paul yang terdiri daripada beberapa jenis bangunan kerajaan, muzium, gereja, dataran dan kubu yang ditinggalkan pada abad ke-16 pemerintahan Portugis dan Belanda (Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 2008). Bagi kawasan Zon Penampian pula yang berkeluasan 134.03 hektar, ianya disempadani oleh Jalan Merdeka, Taman Kota Laksamana, Jalan Ong Kim Wee, Jalan Tan Chay Yan, Jalan Munshi Abdullah, lot belakang Kampung Banda Kaba, Jalan Chan Koon Cheng dan juga Jalan Merdeka. Selain itu, Bukit Cina yang terletak pada timur laut Bandaraya Melaka juga tergolong di dalam kawasan Zon Penampian. Berpandukan Rajah 1.2, menunjukkan pembahagian zon teras dan zon penampian di Bandaraya Melaka dengan cadangan kawasan kajian kes (bulatan merah).



Rajah 1.2: Pengezonan zon teras dan zon penampian di Bandaraya Melaka (Sumber: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 2008).

Cadangan kawasan kajian berada di dalam kawasan zon penampian, dan zon ini disempadani oleh beberapa jalan utama di dalam Bandaraya Melaka seperti Jalan Merdeka, Jalan Kota Laksamana, Jalan Ong Kim Swee, Jalan Tan Chay Yan, Jalan Munshi Abdullah, Jalan Chan Koon Cheng, Jalan Merdeka dan juga sehingga ke lot belakang Kampung Banda Kaba (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka, 2009). Merujuk kepada Jadual 1.2, dinyatakan bilangan bangunan yang terdapat di kedua-dua zon warisan iaitu zon teras dan zon penampian.

Jadual 1.2: Jumlah bangunan yang terdapat di dalam kedua-dua zon warisan Bandaraya Melaka

Bandar	Bangunan di Zon Teras	Bangunan di Zon Penampian	Jumlah Bangunan
Bandar Melaka	1,075	1,975	3,050
Peratusan	35%	65%	100%

Sumber:(Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, 2008)

1.6 Persoalan Kajian

Sebelum objektif kajian dibentuk, beberapa persoalan kajian dinyatakan berhubung kajian ini. Persoalan ini juga dijadikan sebagai asas dalam membentuk skop penyelidikan. Antara persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Adakah identiti seni bina pada bangunan sekolah kolonial membantu dalam pembentukan tipologi?
- ii. Adakah komponen seni bina dan prinsip reka bentuk membantu dalam pembentukan tipologi seni bina sekolah kolonial melalui inventori bangunan?

- iii. Bagaimanakah pembentukan tipologi seni bina bagi sekolah kolonial berlaku?

1.7 Matlamat Kajian dan Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada aspek tipologi seni bina sekolah kolonial yang terdapat di bandar bersejarah, Melaka dengan mengenal pasti beberapa elemen seni bina dan prinsip reka bentuk seni bina bagi menetapkan tipologi yang dikehendaki di dalam kajian. Untuk memulakannya, kajian diperlukan untuk memahami perkembangan ciri-ciri sekolah kolonial. Dalam kata lain, matlamat kajian adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti perkara asas seni bina sekolah kolonial di Bandaraya Melaka seperti komponen dan prinsip reka bentuk seni binanya dalam perspektif yang lebih terperinci sebelum menjurus lebih dalam kepada fokus utama kajian iaitu tipologi seni binanya. Kajian ini mengembangkan lagi skop tipologi seni bina sekolah kolonial di Bandaraya Melaka dengan meneroka karakter yang terdapat pada sekolah-sekolah tersebut. Terdapat tiga objektif utama kajian bagi memenuhi dan mencapai matlamat kajian iaitu:

- i. Mengkaji identiti seni bina sekolah kolonial di Tapak Warisan Dunia Melaka.
- ii. Menganalisa komponen dan prinsip reka bentuk seni bina sekolah kolonial di Tapak Warisan Dunia Melaka melalui inventori.
- iii. Membentuk tipologi seni bina sekolah kolonial berdasarkan komponen dan prinsip reka bentuk seni bina sekolah kolonial di Tapak Warisan Dunia Melaka.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian diperlukan kerana ia merupakan sesuatu yang mustahil bagi sesebuah penyelidikan menerokai pelbagai jenis aspek di dalam suatu tempoh masa

yang singkat demi mencapai objektif kajian (Suhana Johar, 2012). Merujuk kepada kajian-kajian yang lepas, terdapat jurang kajian terhadap tipologi sekolah kolonial. Kebanyakan kajian hanya melibatkan bangunan-bangunan kolonial lain selain sekolah dan kajian terperinci terhadap sekolah-sekolah kolonial terutamanya di Melaka amat kurang dilaksanakan. Untuk mencapai objektif kajian, kajian ini hanya memfokuskan terhadap kajian tipologi sekolah kolonial yang terlibat di dalam zon penampakan di Tapak Warisan Dunia Melaka memandangkan kesemua sekolah yang terdapat di dalam zon warisan hanya berada di dalam kawasan zon penampakan sahaja. Berpandukan kepada tajuk kajian yang telah dinyatakan, skop penyelidikan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Komponen binaan dan prinsip reka bentuk seni bina yang terdapat pada setiap kajian kes bangunan sekolah kolonial.
- ii. Mendalami aspek berkaitan tipologi seni bina sekolah kolonial berdasarkan kepada prinsip dan komposisi seni bina yang terdapat pada sekolah tersebut.

1.8.1 Kerangka Teori

Teori merupakan satu bentuk pemikiran secara abstrak dan umum yang bernas serta rasional ataupun dari hasil pemikiran sedemikian. Teori juga merupakan satu penjelasan yang kukuh berkenaan aspek dunia semula jadi yang melibatkan hukum dan fakta. Fungsi kerangka teori juga adalah untuk menguji teori yang dikemukakan kajian, membuatkan dapatan kajian kelihatan signifikan, merangsang penyelidikan, meramal situasi dan mewujudkan hubungan yang teratur di antara pemerhatian dan fakta (Abu Bakar, Roosli, Mustafa Kamal, & Ahmad Rashid, 2017). Kerangka teori membentangkan teori yang berkaitan dengan masalah kajian dan ia juga merupakan satu pengetahuan sedia ada yang menyokong kajian. Dalam erti kata lain, kerangka